

PM: Malaysia tidak beratkan sentimen

BH 6 APR 1989

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pengalaman Malaysia setelah merdeka 28 tahun meyakinkannya bahawa dunia tidak menghiraukan sangat sentimen, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sekarangpun kita diberi pengajaran bahawa sentimen, persahabatan dan pertalian sejarah tidak mencerminkan perhubungan sebenar semasa antara negara-negara."

Perdana Menteri berkata inj memaksa Malaysia mengambil sikap pragmatik dan menggunakannya untuk maju atau sekurang-kurangnya untuk terus hidup.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di majlis makan malam meraikan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher di Sri Perdana, kediaman rasminya, di sini.

Perdana Menteri berkata Malaysia mengekalkan peninggalan sejarah bukan kerana sentimen tetapi untuk mengingatkan hakikat bahawa ia pernah dijajah oleh pelbagai kuasa Eropah.

"Jika rakyat Malaysia tidak mahu dijajah lagi, dalam apa juga bentuk, mereka harus belajar menguruskan hidup mereka sendiri."

Katanya, walaupun Malaysia mempunyai hubungan dengan banyak negara di Timur dan Barat, hubungannya dengan Britain adalah yang paling lama.

"Britain memberi kita identiti dan ia juga mengilhamkan sistem kerajaan kita dan meninggalkan asas pentadbiran awam yang kita kemudiannya suburkan, mungkin secara kurang arif."

Perdana Menteri juga menyuarakan keahapaannya terhadap sumbangan Komonwel kepada kekayaan sejagat hingga memaksa negara ini menurunkan taraf pertubuhan itu ke tempat keempat dalam senarai keutamaan luarnya.

Kritikan

Beliau bagaimanapun gembira bahawa hubungan antara dua negara terus baik walaupun berlaku pergeseran dari masa ke masa seperti yang lazim berlaku dalam hubungan antara dua negara berdaulat.

"Kita mempunyai jentera-jentera perundingan yang biasa dan Malaysia tidak akan mengungkit hubungan silam untuk mempengaruhi keputusan sesuatu rundingan."

Memuji rakan sejawatnya, kerana bersikap tegas, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita tidak akan dihalang oleh kritikan-kritikan buruk mengenai rancangan pe-

rindustrian, sistem politik atau dasar ekonomi kita.

"Kesudahannya, yang terpaksa membuat keputusan-keputusan adalah para eksekutif yang tegas dan bukannya pakar-pakar yang melantik diri sendiri.

"Kami mendapati walaupun laporan-laporan tidak baik dibuat mengenai kami, ramai pengusaha terus berminat untuk melabur di negara ini dan bank-bank pula menawarkan pinjaman."

- Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mahu terhutang budi kepada sesiapa kerana dalam dunia hari ini tidak ada siapa yang boleh bergantung kepada yang lain.

Mengenai perkara-perkara hubungan dua-hala, beliau berkata tidak ada banyak perubahan dalam kemasukan barang-barang Malaysia ke Britain. Pada tahun 1983, Britain adalah rakan perdagangan Malaysia yang kelapan besarnya, menyumbangkan 3.1 peratus kepada perdagangan dunia Malaysia.

Pada tahun itu, 2.7 peratus eksport Malaysia adalah ke Britain sementara import dari negara itu pula 3.5 peratus. Ketidakseimbangan yang menguntungkan Britain ini harus diatasi.

Perdana Menteri juga menyatakan kebimbangannya terhadap peningkatan perdagangan tidak ketara yang

menguntungkan Britain.

Datuk Seri Dr Mahathir menyanjung kerjasama Britain di bidang pelajaran. Katanya Puan Thatcher menyambut baik cadangan supaya pelajar-pelajar Malaysia memulakan pengajian

tinggi di dalam negeri sebelum dihantar ke institusi-institusi pengajian tinggi British.

Perdana Menteri juga menyatakan kebimbangan terhadap isu Kampuchea dan Afghanistan yang berlanjutan.